

KENYATAAN MEDIA • 13 APRIL 2020

Langkah-langkah tambahan sepanjang tempoh Fasa Ketiga PKP

Gabungan Kesihatan Malaysia (MHC) menyokong keputusan kerajaan untuk melanjutkan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga 28 April 2020. Kami sedar, sambutan Ramadan, Easter, Hari Vaisakhi dan Hari Wesak tahun ini sedikit berbeza dan ia memerlukan pengorbanan rakyat Malaysia dalam beberapa minggu akan datang. Demi menjaga semua rakyat, 'kebiasaan baru' ini perlu diterima dalam memastikan Covid-19 dapat dihapuskan sepenuhnya.

MHC menggesa kerajaan mempertimbangkan langkah-langkah tambahan ini semasa Fasa Ketiga PKP:

- 1. Meningkatkan keupayaan ujian makmal:** Ujian berskala besar diperlukan untuk memperoleh gambaran sebenar pandemik. Ujian makmal mampu mengurangkan ketidakpastian terhadap kes tanpa gejala (asymptomatic) yang boleh menyebabkan penambahan kes secara mendadak dan membahayakan kesihatan petugas barisan hadapan. Ketelusan semua data daripada ujian makmal dan maklumat adalah penting bagi pengesanan kontak dan pengawasan yang berkesan.
- 2. Kekalkan perkhidmatan kesihatan rutin:** Perkhidmatan kesihatan rutin harus dikekalkan ketika tempoh kawalan pergerakan dipanjangkan. Penjarakan sosial yang berlanjutan boleh memberikan kesan negatif terhadap kesihatan fizikal dan mental rakyat Malaysia, dan perkara ini mesti ditangani. Kami mengusulkan infrastruktur teknologi dan komunikasi seperti talian *hotline* dan panggilan video digunakan serta merancakkan kerjasama sektor awam-swasta untuk menyampaikan perkhidmatan penting.
- 3. Merancakkan kerjasama awam-swasta:** Merujuk kepada kenyataan sebelum ini berkenaan "Kerjasama Awam – Swasta Untuk Menentang Covid-19" (5 April 2020). Kerjasama antara perkhidmatan kesihatan awam dan swasta dari hospital, klinik, farmasi sehinggalah ke makmal, diperlukan untuk mempertingkatkan keupayaan bagi melawan Covid-19.
- 4. Memperkenalkan garis panduan berasaskan risiko untuk tempoh pasca PKP:** Garis panduan yang jelas perlu diwujudkan untuk semua sektor selepas PKP berakhir di Malaysia. Bagi memulakan kembali aktiviti ekonomi dan masyarakat secara berperingkat, sistem risiko mengikut kod warna boleh digunakan. Misalnya, mereka yang tinggal di daerah atau mukim "hijau" dibenarkan menggunakan taman-taman awam dengan mengamalkan langkah-langkah penjarakan fizikal. Perniagaan-perniagaan yang dibenarkan untuk beroperasi kembali perlu diberi garis panduan yang sewajarnya berkenaan kaedah-kaedah pengawalan jangkitan.
- 5. Meningkatkan sokongan untuk golongan kurang berkemampuan:** Tempoh lanjutan PKP akan membebankan ekonomi golongan tertentu. Perlu dipastikan bekalan makanan dan kebajikan ekonomi golongan yang kurang berkemampuan terjamin. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kumpulan ekonomi B40, kaum orang asli Malaysia, pekerja bergaji harian, golongan imigran, pelarian dan penduduk luar bandar.

Gabungan langkah kesihatan dan bukan kesihatan yang lebih menyeluruh diperlukan semasa Fasa Ketiga PKP. Langkah ini memberi rakyat sokongan penting untuk menempuhi 'kebiasaan baru', dalam beberapa minggu yang akan datang.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA.

Gabungan Kesihatan Malaysia
42 Persatuan & 16 Individu
Senarai penuh ahli, di myhealthcoalition.org
13 April 2020